

05/09/2001

Keputusan MT untuk pastikan kegiatan lancar

KUALA LUMPUR, Selasa - Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno meyerahkan jawatan ketua bahagian yang dikenakan tindakan disiplin, kepada Pengerusi Perhubungan Umno negeri akan dapat memastikan kegiatan yang sudah diatur di bahagian terbabit, berjalan lancar.

Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi - seorang daripada ketua bahagian yang dikenakan tindakan disiplin bersabit amalan politik wang dan salah guna kuasa, berkata menggantikan ketua bahagian terbabit dengan calon yang tewas seperti yang diamalkan sebelum ini, dikhuatiri akan mengganggu kegiatan di bahagian itu.

"Jika yang menang itu, menang dengan majoriti dua pertiga, kalau yang kalah ambil alih ini tentunya akan mengganggu kegiatan bahagian. Saya rasa keputusan MT itu dibuat berasaskan rasional ini," katanya ketika ditemui pada Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 di sini, hari ini.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT berkata, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri akan mengambil alih jawatan ketua bahagian yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti sementara rayuan mereka diteliti oleh sebuah sekretariat bebas.

Berikutan itu, pelantikan ketua bahagian daripada kalangan pihak yang kalah dalam pemilihan itu sebelum ini, dibatalkan serta-merta.

Dr Mahathir berkata, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri terbabit akan menguruskan bahagian berkenaan sehingga rayuan pihak yang didapati bersalah itu diputuskan kerana MT Umno memutuskan untuk mendengar rayuan pihak yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin.

Abdul Azim yang dilucutkan jawatan ketua bahagian Bukit Bintang, bagaimanapun enggan mengulas sama ada beliau akan mengemukakan rayuan terhadap tindakan yang dikenakan terhadapnya.

"Tengok dulu. Saya tak mahu komen buat masa sekarang," katanya.

(END)